



SIARAN MEDIA

TOTYA 2024: KERAJAAN MADANI MEMBELANJAKAN RM 800 JUTA UNTUK MENAIK TARAF LEBIH 10,000 TANDAS SELURUH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 November 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menghadiri **Majlis Anugerah Toilet of The Year (TOTYA) 2024** di Hotel Sheraton Imperial, hari ini.

TOTYA merupakan cetusan idea YB KM untuk mengiktiraf usaha-usaha yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dalam menyediakan tandas-tandas awam bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW). TOTYA kali pertama dianjurkan adalah pada tahun 2023.

Penganjuran TOTYA 2024 mendapat kerjasama dan tajaan sektor swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM), Big Bath Sdn. Bhd., Nano-G Malaysia, Fivone51 International Sdn. Bhd, Perbadanan PR1MA Malaysia, Rigel Technology (M) Sdn. Bhd. dan Roca (Johnson Suisse) Malaysia Sdn. Bhd.

TOTYA 2024 menerima 625 penyertaan berbanding 345 penyertaan tahun lalu dengan peningkatan sebanyak 82 peratus. Tujuh (7) kategori telah dipertandingkan iaitu hotel, pusat beli belah, kawasan rehat dan rawat, stesen minyak dan restoran termasuk dua (2) kategori baharu iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sekolah.

Pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah wang tunai RM20,000, piala iringan dan sijil.

Menerusi penganjuran TOTYA, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mendapat pulangan setimpal apabila kos penyelenggaraan dan baik pulih tandas awam ditanggung sepenuhnya oleh sektor swasta.

Sebanyak RM 300,000 hingga RM 1 juta diperlukan untuk menaik taraf satu (1) set tandas awam yang terdiri daripada tandas perempuan, tandas lelaki dan Orang Kelainan Upaya (OKU). Pusat membeli belah mencatat jumlah kos yang tinggi iaitu RM2.4 hingga RM8 juta untuk menaik taraf sekurang-kurangnya lapan (8) set tandas di premis berkenaan.

YB KM turut melancarkan Aplikasi Penarafan Bintang Tandas Awam (PBTa) semasa majlis ini. PBTa akan digunakan mulai tahun 2025 untuk memudahkan kerja-kerja pengauditan oleh PBT, badan kawal selia dan individu.

Pada tahun ini sebanyak **753 buah tandas awam milik PBT telah dinaik taraf menjadi tandas awam bertaraf BMW** dan sebanyak **16 buah tandas awam PBT akan dinaik taraf kepada tandas pintar (BMW-i).**

Secara keseluruhan, Kerajaan MADANI telah membelanjakan sebanyak RM800 juta untuk menaik taraf tandas di seluruh negara.

Usaha menaik taraf ini seiring dengan perkembangan teknologi dalam industri tandas melalui peruntukan belanjawan 2024 yang diluluskan sebanyak RM 150 juta untuk menyelenggara dan membaiki tandas awam di semua PBT di seluruh negara.

Menerusi pelaksanaan ini, rakyat berpeluang menggunakan tandas-tandas awam berteknologi tinggi mengikut perkembangan semasa mulai tahun 2025.

KPKT telah menyalurkan peruntukan khas kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membina dua (2) buah tandas awam BMW-i iaitu di Jalan Alor dan Jalan Petaling. Manakala Perbadanan Putrajaya juga menerima peruntukan untuk membina atau menaik taraf dua (2) buah tandas awam iaitu di Dataran Masjid dan Anjung Flora.

YB KM dalam ucapannya berkata "Sesungguhnya saya memohon kerjasama dan sokongan daripada daripada sektor swasta dan kerajaan untuk berganding bahu menjayakan usaha ini supaya semua tandas awam di negara kita mencapai taraf BMW,".

Hal ini jelas membuktikan KPKT amat mementingkan kebersihan sejagat seiring aspirasi Malaysia MADANI.

Turut hadir, YB Tuan Wong Kah Woh, Timbalan Menteri Pendidikan; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampuan dan Perancangan Strategik) KPKT; dan YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBrs. Tuan Omran bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan) Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan YBrs. Dr. Mohd Azam bin Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme) Kementerian Pendidikan Malaysia.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

UKK
K P K T